

Persisi kini abadikan silat melalui video

PENCAK SILAT.

11 JAN 1984

Oleh MAFOOT SIMON

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) melangkah satu tahap ke depan dalam usaha mengabadikan berbagai jenis pencak silat di republik ini.

Ia kini menggunakan alat perakam video bagi merakamkan berbagai jenis permainan pencak silat.

Setiausaha Agung Persisi, Encik M. Johari Uriff, berkata bahawa alat tersebut telah dibeli dengan harga kira-kira \$4,000 dan akan digunakan bagi merakam semua permainan pencak silat di sini.

Semua anggota kerabat

Persisi telah diberitahu tentang rancangan itu dan berharap mereka akan ke depan untuk menggunakan kemudahan tersebut, tambah beliau.

Rakaman video pertama telah dibuat semasa beberapa orang wakil dari **Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (Persilat)** berada di sini baru-baru ini untuk mengadakan perbincangan awal menjelang Kongres Persilat yang kedua. Kongres itu akan berlangsung di

Kuala Lumpur pada September tahun ini.

Menjelaskan lebih lanjut mengenai kemudahan rakaman itu, Encik Johari berkata silat-silat yang sudah difilemkan itu akan dinilai oleh Persilat dan persembahan-persembahan silat yang masih tinggi mutu seni silatnya akan dibukukan.

Pertubuhan silat di dua buah negara anggota Persilat iaitu Malaysia dan Indonesia dijangka akan melakukan usaha

yang serupa di negara masing-masing, katanya.

"Perfileman video itu merupakan kajian peringkat awal kami yang akan dijadikan sebagai satu bahan rujukan dalam usaha mengembangkan dan memajukan silat di rantau ini," tambah beliau.

Taklimat

Usaha hendak membukukan berbagai jenis silat sudah diadakan lebih tiga tahun lalu oleh Persisi.

Malahan, usaha itu juga melibatkan kerjasama dua buah anggota Persilat iaitu Malaysia dan Indonesia.

Malangnya ia tidak mendapat kerjasama yang diharap-harapkan dari kalangan-kalangan berkenaan sehingga projek tersebut berkubur.

Encik Johari berharap badan-badan kerabat akan menyiapkan skrip bagi rakaman itu dengan segera bagi membolehkan rakaman-rakaman itu dijalankan.

Beliau menambah bahawa bahan video juga akan menjadi satu kemudahan untuk, misalnya, dalam majlis-majlis taklimat kepada para pelawat atau ceramah.

Gunakan silat harimau 15 JAN 1984 untuk lawan harimau

Berita Minggu

SENI silat memang menjadi darah daging anak Melayu jati dari warisan nenek moyang sejak sebelum zaman Hang Tuah.

Kini, seni itu terus tegak berdiri sebagai salah satu cabang seni pertahanan diri.

Ilmu silat yang cukup mahir pada Pak Achmad, 51 tahun, di Sumatra Barat, baru-baru ini ternyata telah menjadi pelindung beliau dari menjadi mangsa seekor harimau garang.

Peristiwa itu berlaku selama kira-kira setengah jam bila Pak Achmad yang dikenali sebagai pendekar di kampungnya melawan harimau tadi dengan pencak silat yang ada pada dirinya.

Beliau menggunakan silat harimau

yang mengikut setiap gerak langkah binatang yang serupa menjadi lawannya itu.

Namun, Pak Achmad hanya berupaya menghalang harimau itu dari menerkamnya.

Dipendekkan cerita, harimau itu kemudian dibunuh oleh firan Pak Achmad yang berkejar ke tempat pertarungan itu setelah terdengar bunyi harimau mengaum.

Pendekar silat itu bagaimanapun terpaksa dibawa ke hospital untuk dirawat kerana cedera akibat dicakar harimau dan sebatang giginya tercabut.

Inilah yang dikatakan pendekar silat benar-benar menunjukkan belangnya di depan pak belang...